



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA SEPTEMBER 2024

**Jumlah dagangan bagi sembilan bulan pertama 2024 mencapai
RM2.1 trilion, melepasi nilai berbanding tahun sebelumnya**

PUTRAJAYA, 18 OKTOBER 2024 – Prestasi perdagangan Malaysia terus mengukuh pada September 2024, mencerminkan peningkatan ekonomi negara. Jumlah dagangan menunjukkan peningkatan 4.7 peratus daripada RM224.3 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM234.8 bilion. Prestasi ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan import 10.9 peratus, mencecah RM110.8 bilion. Sebaliknya, eksport turun secara marginal 0.3 peratus atau RM319.5 juta dan imbalan dagangan turun 45.9 peratus kepada RM13.2 bilion pada September 2024 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, SEPTEMBER 2024**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan prestasi eksport Malaysia menurun pada September 2024. Eksport domestik (80.9% daripada jumlah eksport) meningkat 3.8 peratus berbanding September 2023, bernilai RM100.4 bilion manakala eksport semula (19.1% daripada jumlah eksport), turun 14.4 peratus kepada RM23.6 bilion.

Sementara itu, import bernilai RM110.8 bilion, meningkat 10.9 peratus. Lebihan dagangan menurun 45.9 peratus kepada RM13.2 bilion, lebihan bulan ke-53 berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Ogos 2024, eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan penurunan 3.9 peratus, 10.3 peratus dan 7.0 peratus. Sebaliknya, imbalan dagangan mencatatkan peningkatan 139.2 peratus.

Melihat dari sudut kumpulan barangan, 145 daripada 259 kumpulan eksport menunjukkan penurunan manakala 126 daripada 258 kumpulan import menunjukkan peningkatan berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menekankan bahawa eksport yang lebih rendah disumbangkan terutamanya ke Viet Nam (-RM1.4 bilion), diikuti oleh Jepun (-RM895.1 juta), India (-RM482.3 juta), China (-RM475.3 juta), Brunei Darussalam (-RM411.4 juta), New Zealand (-RM352.9 juta) dan Bangladesh (-RM349.9 juta). Manakala, import yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya dari Mexico (+RM3.8 bilion), diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM3.3 bilion), Taiwan (+RM1.5 bilion), Singapura (+RM1.1 bilion), Qatar (+RM874.6 juta), Indonesia (+RM714.3 juta) dan Arab Saudi (+RM701.6 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, penurunan ini sejajar dengan peningkatan dalam keluaran petroleum (-RM2.6 bilion); barangan elektrik & elektronik (-RM668.7 juta); petroleum mentah (-RM441.1 juta); kondensat & minyak petroleum lain (-RM195.8 juta); barangan besi & keluli (-RM190.0 juta); barangan mineral bukan logam (-RM129.6 juta); dan bijih logam & serpihan logam (-RM113.5 juta). Sementara itu, peningkatan import dicatatkan untuk barangan elektrik & elektronik (+RM9.7 bilion); petroleum mentah (+RM1.9 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM1.1 bilion); makanan diproses (+RM448.0 juta);

keluaran pertanian yang lain (+RM360.4 juta); dan minyak sayuran lain (+RM322.8 juta).

Selanjutnya, Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir adalah seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan perantaraan, barangan modal dan barangan penggunaan. Import barang perantaraan (53.0% daripada jumlah import), bernilai RM58.7 bilion, mencatatkan peningkatan 18.1 peratus atau RM9.0 bilion berbanding September 2023. Barangan modal (15.3% daripada jumlah import) bernilai RM16.9 bilion, meningkat 56.3 peratus. Barangan penggunaan (7.9% daripada jumlah import), meningkat secara marginal 0.2 peratus atau RM20.8 juta kepada RM8.8 bilion.

Jumlah dagangan, eksport dan import bagi tempoh Januari hingga September 2024 mencatatkan peningkatan. Jumlah dagangan meningkat 10.2 peratus, daripada RM1.9 trilion kepada RM2.1 trilion, sejajar dengan peningkatan dalam eksport (+5.2%) serta import (+16.1%). Sebaliknya, lebih dagangan berkurang 48.8 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2023 mencatatkan nilai RM91.2 bilion.


Prestasi bagi suku tahun ketiga 2024 menunjukkan jumlah dagangan, eksport, dan import mengalami peningkatan berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Prestasi ekonomi yang memberangsangkan menyebabkan jumlah dagangan meningkat 13.7 peratus, seiring dengan peningkatan eksport (+7.8%) dan import (+20.8%). Sebaliknya, lebih dagangan berjumlah RM25.1 bilion, penurunan 57.5 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi


memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Sep 2024 (Nilai)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Sep 2024
(Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 3: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2024 (Jan-Sep)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), Jan 2023 – Sep 2024
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), 2020 – 2024 (Jan-Sep)



Jadual 1: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Eksport

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGA N KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	SEP	OGOS	SEP		NILAI	%
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA		RM JUTA	
Jumlah	124,334	129,004	124,015	100.0	(319.5)	(0.3)
Barangan Optik & Saintifik	4,887	5,307	5,776	4.7	889.5	18.2
Minyak Kelapa Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Kelapa Sawit	6,169	6,672	6,855	5.5	686.6	11.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,017	6,026	5,541	4.5	524.2	10.4
Produk Getah	1,731	2,542	1,972	1.6	241.5	14.0
Makanan Diproses	2,706	3,275	2,942	2.4	236.0	8.7

Jadual 2: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Import

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	SEP	OGOS	SEP		NILAI	%
	RM JUTA	RM JUTA	RM JUTA		RM JUTA	
Jumlah	99,937	123,490	110,826	100.0	10,889	10.9
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	31,090	43,381	40,771	36.8	9,681	31.1
Petroleum Mentah	2,978	4,391	4,864	4.4	1,886	63.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	7,716	9,778	8,832	8.0	1,116	19.8
Makanan Diproses	2,102	2,874	2,550	2.3	448.0	21.3
Gas Asli Cecair	589.8	963.6	910.6	0.8	320.8	54.4

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

18 OKTOBER 2024